

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013: TINJAUAN AWAL KESANNYA DALAM INDUSTRI TAKAFUL

(Islamic Financial Services Act 2013: A Preliminary Review on Its Impacts to Takaful Industry)

Mohamed Hadi bin Abd Hamid
mhadi.ah @etiqqa.com.my

Divisyen Shariah, Aras 11B, Etiqa Takaful Berhad,
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel.: +603-2785 5643.

Rusni Hassan
hrusni@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Abstrak

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang berkuat kuasa mulai 30 Jun 2013 telah memansuhkan Akta Takaful 1984 yang menjadi tunjang industri takaful Malaysia selama ini. Akta baharu ini bertujuan menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah seperti yang diharapkan oleh masyarakat selaku pengguna produk patuh syariah. Penguatkuasaan akta baharu ini sudah tentunya memberikan pelbagai impak terhadap industri takaful. Berdasarkan latar belakang ini, makalah ini akan menganalisis kesan yang timbul dengan kemunculan akta baharu ini. Berdasarkan peruntukan di bawah akta baharu, industri takaful berdepan dengan pelbagai cabaran untuk memastikan kehendak undang-undang dapat dipatuhi selaras dengan tuntutan patuh syariah dalam operasi dan aktiviti pengendalian takaful.

Kata kunci: takaful, syariah, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, hibah bersyarat

Abstract

Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA) has come into force on 30 June 2013 and it repeals the previous Takaful Act 1984 which has been the backbone of takaful industry for almost thirty years. IFSA aims to promote financial stability and compliance with shariah, in line with the expectation

of public as consumers and subscribers of shariah compliant products. The enforcement of IFSA brings various impacts to takaful industry. In light of this background, this article attempts to analyse the salient impacts of IFSA to takaful industry. Based on the provisions of IFSA, takaful industry is currently facing with many challenges to ensure the statutory requirements are met without neglecting the shariah compliant aspect of the operations and activities of takaful operators.

Keywords: takaful, shariah, Islamic Financial Services Act 2013, conditional hibah

PENGENALAN

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759) (APKI 2013) telah mula berkuat kuasa mulai 30 Jun 2013. APKI merupakan statut yang memansuhkan akta yang melibatkan kewangan Islam di Malaysia, iaitu Akta Perbankan Islam 1983 (Akta 276) dan Akta Takaful 1984 (Akta 312).¹ APKI diluluskan oleh Parlimen Malaysia² bersama-sama dengan undang-undang konvensional yang berkaitan, iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) (APK 2013). APK 2013 juga mula berkuat kuasa mulai 30 Jun 2013.

APKI 2013 digubal bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan Islam (IKI),³ sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam. APKI 2013 juga bertujuan untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah. Tidak dapat dinafikan bahawa industri kewangan Islam di Malaysia (yang merangkumi industri takaful) amat bergantung pada keyakinan masyarakat untuk menggunakan produk patuh syariah. Oleh itu, APKI 2013 digubal untuk menaik taraf aspek pematuhan syariah dalam operasi kewangan Islam. Pengukuhan aspek pematuhan syariah dalam perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia adalah sejajar dengan seksyen 2(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 201) yang mendefinisikan perniagaan kewangan Islam sebagai apa-apa perniagaan kewangan dalam ringgit atau mata wang lain yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia dan selaras dengan syariah.

1 Seksyen 282, APKI 2013

2 Dewan Rakyat pada 28 November 2012 dan Dewan Negara pada 19 Disember 2012. Persekutuan Malaysia mengamalkan sistem perundangan dwidewan (*bicameral*), iaitu Dewan Rakyat sebagai dewan rendah dan Dewan Negara sebagai dewan atas dalam meluluskan undang-undang.

3 Seksyen 2(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701) mendefinisikan institusi kewangan Islam sebagai suatu institusi kewangan Islam yang menjalankan perniagaan kewangan Islam.

APKI 2013 DAN INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

Selepas hampir tiga dekad kewujudan Akta Takaful 1984 (AT 1984) untuk mengawal selia operasi takaful di Malaysia, memang sudah tepat masanya bagi pihak kerajaan Malaysia untuk memperkenalkan undang-undang baharu bagi memperbaik kelemahan yang ada pada AT 1984. Dengan penekanan spesifik terhadap aspek pematuhan syariah, APKI 2013 diharapkan dapat memperkuuhkeyakinan masyarakat awam terhadap industri kewangan Islam selaras dengan peningkatan kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat.

Impak APKI 2013 terhadap industri takaful adalah menyeluruh. APKI 2013 bukan sahaja menyentuh peranan lembaga pengarah, jawatankuasa syariah dan pengurusan tertinggi pengendali takaful, malah APKI 2013 juga mengubah suai aspek operasi perniagaan takaful, termasuklah struktur korporat, pengurusan produk, pengunderaitan, jualan dan tuntutan takaful.

AT 1984 DAN APKI 2013: PERBANDINGAN TERPILIH

APKI 2013 secara keseluruhannya lebih lengkap dan spesifik berbanding AT 1984. Jika AT 1984 digubal berdasarkan Akta Insurans 1963 yang telah dimansuhkan, APKI 2013 secara asasnya berdiri sendiri dan digubal berdasarkan keperluan semasa industri kewangan Islam. Perbincangan seterusnya menekankan beberapa isu berkaitan takaful yang signifikan dengan pelaksanaan APKI 2013.

Definisi Takaful

Antara perbezaan ketara AT 1984 dengan APKI 2013 termasuklah definisi takaful itu sendiri. AT 1984 mendefinisikan takaful sebagai suatu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta jika diperlukan yang dengannya peserta sama-sama bersetuju untuk memberikan sumbangan bagi maksud itu.⁴ APKI 2013 pula mendefinisikan takaful sebagai suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang perlu dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.⁵ Terdapat beberapa perbezaan antara definisi terkini takaful dengan definisi terdahulu.

⁴ Seksyen 2 AT 1984.

⁵ Seksyen 3 APKI 2013.

Perbezaan ketara antara definisi 1984 dengan definisi 2013 adalah pada penambahan “suatu kumpulan wang yang sama”, iaitu tabung *tabarru*⁶ atau dana risiko peserta pada definisi 2013. Definisi 1984 menyebut mengenai skim takaful yang bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada peserta. Para peserta juga bersetuju untuk sama-sama memberikan sumbangan tersebut. Walau bagaimanapun, definisi 1984 tidak menjelaskan kewujudan tabung atau dana yang mengumpulkan kesemua sumbangan para peserta. Definisi 2013 adalah lebih tepat kerana tabung atau dana peserta itu dinyatakan secara jelas.

Satu lagi perbezaan antara kedua-dua definisi ialah penambahan “benefisiari” sebagai penerima manfaat takaful apabila berlakunya sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu⁷ dalam definisi 2013. Definisi 1984 hanya mengehadkan penerima manfaat takaful kepada para peserta sahaja, sedangkan secara realitinya jika seseorang peserta takaful meninggal dunia, dia tidak akan menerima manfaat takaful tersebut sebaliknya benefisiarilah yang akan menerima manfaat tersebut.

Definisi 1984 juga secara longgar menjelaskan bahawa pembayaran bantuan kewangan kepada para peserta akan dilakukan “jika diperlukan” tetapi maksud “jika diperlukan” tidak diperincikan. Definisi 2013 pula memperkemas maksud “jika diperlukan” ini dengan menjelaskan bahawa pembayaran bantuan kewangan diperlukan apabila berlakunya sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu seperti yang termaktub dalam sijil takaful.

Walaupun perbezaan yang disebutkan di sini hanyalah bersifat teoretikal sahaja, namun definisi takaful menurut APKI 2013 adalah lebih tepat dan menyeluruh berbanding definisi 1984.

Tadbir Urus Syariah

APKI 2013 menyenaraikan secara terperinci tugas statutori untuk lembaga pengarah, jawatankuasa syariah dan pihak pengurusan pengendali takaful bagi memastikan industri takaful berjaya mencapai tahap patuh syariah secara keseluruhannya. APKI 2013 kesinambungan daripada Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (*Syariah Governance Framework – SGF*) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2011. SGF dianggap sebagai garis panduan terpenting yang mesti dipatuhi oleh setiap IKI, termasuklah

⁶ *Tabarru'* ialah derma atau sumbangan.

⁷ Lazimnya, kejadian yang telah dipersetujui terdahulu meliputi kematian dan kehilangan upaya secara menyeluruh dan kekal kepada peserta, atau apa-apa kejadian lain yang telah dipersetujui antara pengendali takaful dan para peserta takaful.

para pengendali takaful. SGF dan garis panduan lain yang dikeluarkan oleh BNM mempunyai kesan undang-undang yang sama seperti sebuah akta kerana seksyen 29 APKI 2013 telah memberikan kuasa kepada BNM untuk mengeluarkan apa-apa standard mengenai perkara syariah berkenaan dengan perjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI.

Sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 29(2)⁸ APKI 2013, SGF telah menjadi standard yang mesti dipatuhi oleh kesemua IKI. Objektif utama SGF adalah untuk memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaan IKI selaras dengan kehendak syariah. SGF juga memberikan penekanan terhadap keperluan IKI menjalankan fungsi pematuhan syariah yang terdiri daripada fungsi semakan syariah (*shariah review*), audit syariah (*shariah audit*), pengurusan risiko syariah (*shariah risk management*) dan kajian syariah (*shariah research*). Fungsi ini penting bagi memastikan tadbir urus syariah yang cekap dalam satu-satu IKI.

Seksyen 29(5) APKI 2013 seterusnya mengenakan tanggungjawab individu kepada setiap pengarah, pegawai dan ahli jawatankuasa syariah sesebuah institusi⁹ untuk memastikan institusi tersebut pada setiap masa patuh dengan polisi dan prosedur dalaman yang diluluskan oleh institusi tersebut bagi tujuan melaksanakan standard yang telah diperincikan oleh BNM di bawah seksyen 29(1) dan (2). Oleh itu, kehendak SGF bukan sahaja perlu dilaksanakan oleh setiap IKI malah yang lebih penting ialah IKI dimestikan mempunyai polisi dan prosedur dalaman yang diluluskan bagi tujuan melaksanakan kehendak SGF.

Wajar ditekankan di sini bahawa kegagalan IKI untuk mematuhi kehendak-kehendak SGF akan menyebabkan IKI dan para pegawainya terdedah dengan hukuman statutori yang berat seperti yang termaktub di bawah APKI 2013.¹⁰ Hal ini menunjukkan kepentingan SGF jika dilihat dari sudut pandang peruntukan APKI 2013.

- 8 Sebagai tambahan, Bank (Negara Malaysia) juga boleh menentukan standard yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang berikut yang tidak menghendaki penentuan hukum syarak:
- (a) tadbir urus syariah termasuk:
fungsi dan kewajipan lembaga pengarah, pegawai kanan dan anggota jawatankuasa syariah suatu institusi berhubungan dengan pematuhan syariah;
kehendak layak dan sesuai atau kehilangan kelayakan, seorang anggota jawatankuasa syariah; dan fungsi pematuhan syariah dalaman; dan
 - (b) apa-apa perkara lain berhubungan dengan perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi bagi maksud pematuhan syariah. (Penekanan penulis)
- 9 Merujuk institusi kewangan Islam
- 10 Sebagai contoh seksyen 245 APKI 2013 memberikan kuasa kepada BNM untuk mengambil pelbagai tindakan pentaadbiran terhadap IKI atau mana-mana individu yang telah melanggar mana-mana peruntukan APKI 2013. Menurut seksyen 245(3)(b) APKI 2013, kuasa ini termasuk kuasa BNM untuk mengenakan penalti tidak melebihi RM5 juta jika melibatkan kemungkiran oleh mana-mana pertubuhan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, atau penalti RM1 juta jika melibatkan kemungkiran oleh mana-mana individu.

Para pengarah IKI juga tidak boleh memandang remeh terhadap pematuhan syariah ketika menjalankan tugas menguruskan perniagaan dan hal ehwal IKI. Seksyen 65(2)(f) APKI secara jelas meletakkan tanggungjawab kepada para pengarah IKI untuk mengambil kira dengan sewajarnya (*have due regard*) apa-apa keputusan jawatankuasa syariah atas apa-apa isu syariah yang berhubungan dengan perjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI itu. Satu persoalan menarik yang boleh ditimbulkan di sini ialah apakah maksud “mengambil kira” di sini? Adakah lembaga pengarah IKI wajib mematuhi keputusan jawatankuasa syariah dalam isu syariah atau mereka boleh berbeza pendapat dan enggan menurut keputusan jawatankuasa syariah setelah mengambil kira keputusan itu? Jika semangat tadbir urus syariah difahami sepenuhnya, lembaga pengarah IKI tidak sewajarnya semata-mata mengambil kira keputusan jawatankuasa syariah tetapi hendaklah melaksanakan keputusan tersebut.

Kepentingan Boleh Lindung Takaful

Operasi takaful mengaplikasikan beberapa konsep penting untuk dipatuhi oleh para pengendali takaful dan peserta takaful. Konsep ini adalah signifikan dan jika konsep ini tidak dipatuhi, operasi takaful terdedah kepada risiko yang besar.

Contohnya, konsep kepentingan boleh insurans. Kepentingan boleh insurans merupakan konsep yang diambil daripada industri insurans yang merujuk prinsip bahawa satu-satu polisi insurans itu tidak sah melainkan orang yang diinsuranskan akan menanggung kerugian kewangan langsung jika kejadian yang diinsuranskan itu berlaku.¹¹ Sebagai contoh, seorang isteri mempunyai kepentingan boleh insurans dalam hidup suaminya kerana si isteri akan terjejas dari segi kewangan sekiranya si suami meninggal dunia.¹² Oleh itu, si isteri boleh menerima manfaat daripada polisi insurans jika si suami meninggal dunia ketika polisi masih berkuat kuasa. Satu lagi contoh ialah seseorang itu tidak boleh memberikan perlindungan insurans untuk kereta rakannya. Hal ini adalah munasabah kerana sebarang kerosakan terhadap kereta rakannya tidak akan menjelaskan individu tersebut dari segi kewangan. Akan tetapi, individu tersebut boleh menginsuranskan keretanya sendiri kerana jika keretanya rosak, dia akan menanggung kerugian kewangan secara langsung. Oleh itu, seseorang yang mempunyai kepentingan boleh insurans boleh menginsuranskan keretanya sendiri.

11 Syed Othman Alhabshi *et al.*, 2012. *Takaful: Realities & Challenges*. Kuala Lumpur. Pearson Malaysia, hlm. 563.

12 *Dictionary of Finance and Investment Terms*, 2010. Eight edition. New York. Barron's Educational Series Inc., hlm. 352.

Konsep kepentingan boleh insurans juga telah diterima dan diguna pakai dalam operasi takaful. Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM pada mesyuarat ke-53 bertarikh 2 Ogos 2005 dan mesyuarat ke-76 bertarikh 9 Jun 2008 telah memutuskan bahawa konsep kepentingan boleh insurans tidak bercanggah dengan syariah dan konsep ini dapat diaplikasikan dalam operasi takaful. Dalam operasi takaful, konsep ini dirujuk sebagai kepentingan boleh lindung takaful.¹³ MPS BNM telah memberikan dua contoh situasi untuk menggambarkan kepentingan boleh lindung takaful¹⁴:

- 1) Untuk takaful am, seseorang itu dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung apabila dia mempunyai kepentingan undang-undang dan kewangan bagi sesuatu subjek.
- 2) Untuk takaful keluarga, kepentingan boleh lindung wujud apabila terdapat hubungan yang jelas antara dua pihak yang melibatkan elemen kasih sayang, pergantungan secara emosi, dan jangkaan munasabah terhadap kerugian dari segi material dan psikologi. Dalam hal ini, seseorang individu dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung terhadap pasangannya, anaknya, pekerjanya (bagi majikan) dan seseorang individu yang dia bergantung padanya dengan cara yang diharuskan syarak.

MPS BNM membenarkan konsep kepentingan boleh insurans digunakan dalam operasi takaful berdasarkan asas *sadd zarai'* (menutup ruang yang boleh membawa kepada kemudaratian).¹⁵ Konsep *tabarru'* membolehkan para peserta bersetuju sesama mereka untuk menjamin apa jua bentuk risiko yang dipersetujui bersama selagi tidak bercanggah dengan syarak. Walau bagaimanapun, kelonggaran ini memberikan ruang kepada manipulasi dan risiko moral (*moral hazard*). Oleh itu, konsep kepentingan boleh lindung dapat diterima pakai dalam takaful selaras dengan prinsip syariah yang dikenali sebagai *sadd zarai'*, iaitu menutup ruang yang boleh membawa kepada kemudaratian. Prinsip ini dilihat sebagai satu mekanisme yang dapat menghalang kontrak takaful daripada dimanipulasi untuk tujuan

13 *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, 2010. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Bank Negara Malaysia, hlm. 91.

14 *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, 2010. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Bank Negara Malaysia, hlm. 91– 92.

15 Contoh klasik *sadd zarai'* ialah perbuatan khalwat atau atau bersunyi-sunyian antara pasangan lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Khalwat juga dilarang kerana perbuatan itu merupakan satu daripada jalan menuju perbuatan zina tanpa mengambil kira sama ada perbuatan zina benar-benar berlaku atau tidak. Lihat Mohammad Hashim Kamali, 2009. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Second Revised Edition. Subang Jaya. Ilmiah Publishers, hlm. 311.

yang tidak berlandaskan syariah di samping mengelakkan risiko moral.¹⁶ Walau bagaimanapun, apakah sebenarnya risiko moral atau manipulasi yang dimaksudkan oleh MPS BNM tidak dijelaskan secara terperinci dalam resolusi ini.

Meskipun konsep kepentingan boleh insurans atau kepentingan boleh lindung takaful ini begitu signifikan, konsep ini tidak disebut dalam AT 1984. Disebabkan itu, APKI 2013 kini telah memasukkan elemen kepentingan boleh lindung takaful pada Perenggan 3, Jadual 8, APKI 2013. Perenggan 3(1), Jadual 8 APKI 2013 memperuntukkan bahawa Perenggan 3 terpakai bagi suatu sijil takaful keluarga yang dikeluarkan berkenaan dengan suatu kontrak takaful keluarga yang dibuat oleh peserta takaful terhadap seseorang yang dilindungi selain peserta takaful itu sendiri. Perenggan 3(3) seterusnya memperuntukkan jika peserta takaful yang membuat suatu kontrak takaful keluarga di bawah Perenggan 3(1) tidak mempunyai kepentingan boleh lindung takaful dalam orang yang dilindungi pada masa kontrak sedemikian dibuat, kontrak itu hendaklah menjadi tidak sah.

Yang berikut, perenggan 3(6) menjelaskan bahawa seseorang itu dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung takaful dalam orang yang dilindungi jika orang yang dilindungi itu:

- (a) suaminya atau isterinya atau anaknya;
- (b) anak jagaannya di bawah umur dewasa pada masa orang itu membuat kontrak takaful itu;
- (c) pekerjanya; atau
- (d) seseorang yang kepadanya dia bergantung sepenuhnya atau sebahagianya, bagi saraan atau pendidikan pada masa dia membuat kontrak takaful itu.

Berdasarkan konsep asal kepentingan boleh insurans, dapat difahami bahawa orang yang disenaraikan pada perenggan 3(6) merupakan individu yang begitu penting kepada peserta takaful dan mereka dapat dikategorikan sebagai orang yang mempunyai “hubungan yang jelas (dengan peserta) ... yang melibatkan elemen kasih sayang, pergantungan secara emosi, dan jangkaan munasabah terhadap kerugian dari segi material dan psikologi”, sebagaimana yang telah diputuskan melalui resolusi MPS BNM yang dibincangkan sebelum ini.

Walaupun konsep kepentingan boleh lindung takaful telah dimasukkan dalam APKI 2013, tetapi Jadual 8 APKI 2013 hanya terpakai untuk perniagaan takaful keluarga sahaja, manakala APKI 2013 tidak menyebut

16 Supra. n. 13, hlm. 93

apa-apa mengenai aplikasi konsep kepentingan boleh lindung takaful untuk perniagaan takaful am.

Penuntut yang Sesuai

Undang-undang sebelum ini melalui seksyen 65(1) AT 1984 hanya menyebut bahawa pembayaran manfaat takaful boleh dibuat kepada “pihak menuntut wajar”. Seksyen 65(4) AT 1984 menjelaskan bahawa pihak menuntut wajar ialah seseorang yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang yang berkenaan sebagai wasi kepada si mati, atau yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang itu di bawah undang-undang yang berkaitan.

APKI 2013 menggantikan istilah “pihak menuntut wajar” dengan istilah baru, iaitu “penuntut yang sesuai”, walaupun maksud dalam bahasa Inggeris tetap sama, iaitu *proper claimant*. Definisi penuntut yang sesuai juga turut dijelaskan dalam APKI 2013.¹⁷ Selaku salah seorang “penuntut yang sesuai”, tugas seorang wasi adalah jelas, iaitu membahagikan manfaat takaful menurut undang-undang pusaka¹⁸ yang terpakai terhadap peserta takaful. Definisi terkini penuntut yang sesuai di bawah APKI 2013 telah memasukkan kategori ibu bapa atau penjaga kepada seseorang penama yang tidak berkemampuan atau pemegang serah hak atau yang menuntut selainnya yang berhak kepada manfaat takaful di bawah undang-undang yang berkaitan.

Kategori ibu bapa atau penjaga kepada seseorang penama yang tidak berkemampuan di sini jelas dapat difahami, tetapi definisi terkini penuntut yang sesuai juga memasukkan pemegang serah hak sebagai salah seorang penuntut yang sesuai. Pemegang serah hak ialah seseorang yang menerima pemindahan hak milik yang diserahkan oleh penyerah hak di bawah kontrak penyerahan hak. APKI 2013 mengiktiraf kontrak penyerahan hak sebagai salah satu instrumen untuk penyerah hak (peserta takaful) untuk memindahkan hak milik manfaat takaful kepada pemegang serah hak (benefisiari) setelah kematian penyerah hak. Berdasarkan amalan industri takaful, peserta takaful boleh memohon untuk melaksanakan penyerahan hak mutlak¹⁹ untuk memindahkan hak milik manfaat takafulnya kepada

¹⁷ Seksyen 2 APKI 2013 mendefinisikan penuntut yang sesuai sebagai seseorang yang beranggapan dirinya berhak terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada manfaat takaful di bawah suatu sijil takaful sebagai wasi kepada peserta takaful si mati, ibu bapa atau penjaga kepada seseorang penama yang tidak berkemampuan atau pemegang serah hak atau yang menuntut selainnya yang berhak kepada manfaat takaful di bawah undang-undang yang berkaitan.

¹⁸ Bagi peserta beragama Islam, undang-undang yang terpakai untuk kes harta pusaka ialah undang-undang faraid, manakala untuk peserta bukan beragama Islam, undang-undang yang terpakai ialah Akta Pembahagian 1958.

¹⁹ Penyerahan hak mutlak bermaksud penyerah hak tersebut tidak boleh ditarik semula.

benefisiari (pemegang serah hak) yang diingininya. Berbeza daripada fungsi penamaan wasi, peserta takaful boleh melaksanakan penyerahan hak mutlak sebagai alternatif jika dia ingin memberikan manfaat takafulnya kepada penerima yang dikehendakinya. Manfaat takaful yang telah diserahkan tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka peserta takaful sebaliknya dimiliki secara mutlak oleh benefisiari/pemegang serah hak.

Satu lagi kategori penuntut yang sesuai ialah orang yang menuntut selainnya yang berhak kepada manfaat takaful di bawah undang-undang yang berkaitan. Kategori ini merujuk benefisiari di bawah kategori hibah bersyarat²⁰ yang diperuntukkan di bawah Jadual 10 APKI 2013.

Secara umumnya, peserta takaful boleh memilih cara pembayaran manfaat takafulnya seperti yang berikut:

- (a) Melantik penama untuk menerima manfaat sebagai wasi yang akan mengagihkan manfaat tersebut menurut undang-undang pembahagian harta pusaka yang relevan.
- (b) Melantik penama untuk menerima manfaat sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat.
- (c) Menyerah hak manfaat kepada pemegang serah hak di bawah penyerahan hak mutlak.

Pembayaran Manfaat Takaful

Berkenaan dengan isu penuntut yang sesuai juga, salah satu impak utama APKI 2013 kepada operasi takaful ialah keperluan pembayaran manfaat takaful yang telah diperuntukkan secara terperinci dalam APKI 2013. Sebelum ini, AT 1984 tidak memberikan peruntukan terperinci mengenai kaedah pembayaran manfaat takaful dan para pengendali takaful berbeza amalan dari segi kaedah pembayaran manfaat takaful.²¹ Akan tetapi, dengan berkuatkuasanya APKI 2013, kaedah pembayaran manfaat takaful telah disenaraikan secara terperinci dalam Jadual 10²² APKI 2013.

20 Konsep hibah bersyarat dibincangkan dalam mesyuarat ke-34 MPS BNM bertarikh 21 April 2003. Seorang peserta takaful boleh menamakan benefisiari untuk menerima manfaat takaful selepas kematian peserta takaful atas dasar hibah bersyarat. Setelah kematian peserta takaful, kesemua manfaat takaful akan menjadi hak milik benefisiari yang dinamakan. Manfaat takaful tersebut tidak akan dibahagikan kepada waris sah lain mengikut undang-undang pembahagian pusaka sebaliknya menjadi hak milik mutlak benefisiari yang dinamakan. Walau bagaimanapun, jika peserta takaful masih lagi hidup ketika sijil takafulnya telah matang, manfaat takaful yang ada akan diserahkan kepada peserta takaful. Lihat supra, n. 13, hlm. 85 – 86

21 Lihat secara umum – Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz. “Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators” dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2:67, 2010.

22 Jadual 10 APKI 2013 terpakai untuk sijil takaful keluarga dan sijil takaful kemalangan diri (Perenggan 1, Jadual 10 APKI 2013).

Berdasarkan amalan terdahulu, para pengendali takaful tidak diwajibkan untuk memberikan pilihan kepada para peserta takaful mengenai kaedah pembayaran manfaat takaful yang diingini. Lazimnya, sesetengah pengendali takaful secara automatik akan membuat pembayaran manfaat takaful kepada penama yang bertindak sebagai wasi yang kemudiannya akan membahagikan manfaat takaful itu menurut undang-undang pembahagian harta pusaka yang relevan.

Jika peserta takaful mahukan manfaat takafulnya dibayar kepada beneficiari yang dipilihnya, peserta bolehlah menandatangani borang penyerahan hak mutlak. Walau bagaimanapun, opsyen ini hanya diberikan jika peserta memohonnya secara spesifik kerana borang penyerahan hak mutlak tidak disertakan dalam borang permohonan untuk menyertai satu-satu produk takaful.

Berdasarkan perenggan 2(4), Jadual 10 APKI 2013, para pengendali takaful kini diwajibkan untuk mempamerkan secara ketara dalam borang penamaan bahawa peserta itu boleh:

- a) menyerahkan manfaat takaful kepada seorang penama atau menetapkan penama untuk menerima manfaat takaful sebagai beneficiari di bawah hibah bersyarat; atau
- b) menetapkan penama untuk menerima manfaat takaful sebagai seorang wasi.

Wajar disebutkan di sini bahawa sebelum Jadual 10 berkuat kuasa, sebahagian pengendali takaful telah menggunakan konsep hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful dan opsyen tersebut diberikan kepada para peserta takaful.²³ Hal ini demikian kerana MPS BNM telah pun meluluskan konsep hibah bersyarat sejak tahun 2003 lagi. Akan tetapi, sebahagian pengendali takaful lain agak keberatan untuk menggunakan konsep hibah bersyarat kerana konsep tersebut tidak dilindungi oleh undang-undang Malaysia.²⁴ Tidak ada akta hibah atau enakmen hibah yang boleh mengesahkan pelaksanaan hibah bersyarat oleh peserta takaful dan secara lazimnya, hibah bersyarat tersebut boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Oleh itu, terdapat sebahagian pengendali takaful yang menggunakan instrumen penyerahan hak mutlak yang sah dan dapat dikuatkuasakan di sisi undang-undang Malaysia.

²³ Walau bagaimanapun, istilah yang digunakan ialah hibah, bukan hibah bersyarat. Lihat supra, n. 13, hlm. 85.

²⁴ Temu bual dengan Ustaz Ahmad Zaiem Ismail, Ketua Divisyen Syariah, Etiqa Takaful Berhad pada 25 September 2013.

Dengan berkuatkuasanya APKI 2013, Jadual 10 telah menjadi peruntukan yang sangat berkuasa kerana jadual ini akan mempunyai kesan dan kuat kuasa penuh walau pun apa-apa yang tidak selaras dengan atau bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan probet, pentadbir, pembahagian atau pelupusan, harta pusaka si mati, atau dalam apa-apa amalan atau adat berhubungan dengan perkara ini.²⁵ Dalam erti kata lain, Perenggan 13(2), Jadual 10 APKI 2013 telah memberikan kedudukan yang begitu kukuh terhadap aplikasi hibah bersyarat dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Satu lagi fakta menarik yang dapat dikongsi ialah Jadual 10 APKI 2013 tidak membezakan antara peserta takaful yang beragama Islam atau bukan Islam. Peserta takaful yang bukan beragama Islam juga boleh memilih hibah bersyarat mengikut kehendaknya dan hibah bersyarat ini dilindungi oleh undang-undang.

Walaupun Jadual 10 APKI 2013 mewajibkan para pengendali takaful untuk mempamerkan secara ketara kaedah pembayaran manfaat takaful dalam borang penamaan, peserta takaful tidak diwajibkan untuk memilih mana-mana opsyen. Hal ini jelas berdasarkan perenggan 8, Jadual 10 APKI 2013 yang memperuntukkan situasi pembayaran manfaat takaful jika tidak ada sebarang penamaan dibuat oleh peserta takaful.

Lesen Berasingan untuk Perniagaan Takaful Keluarga dan Takaful Am

Satu lagi perbezaan antara AT 1984 dengan APKI 2013 ialah APKI 2013 memperkenalkan lesen berasingan untuk perniagaan takaful keluarga dan takaful am. Jika AT 1984 membenarkan sesebuah pengendali takaful menjalankan kedua-dua perniagaan takaful di bawah satu syarikat dan pengurusan yang sama, kini pengendali takaful memerlukan dua buah syarikat berasingan untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan perniagaan takaful am.²⁶ Seksyen 286 APKI 2013 seterusnya memberikan tempoh lima tahun dari tarikh yang ditetapkan²⁷ kepada para pengendali takaful yang terlibat untuk mematuhi kehendak seksyen 16(1) APKI 2013. Kegagalan pengendali takaful untuk mematuhi peruntukan ini merupakan satu kesalahan dan pengendali takaful tersebut, apabila disabitkan, boleh

²⁵ Perenggan 13(2), Jadual 10, APKI 2013

²⁶ Seksyen 16(1) APKI 2013 memperuntukkan pengendali takaful berlesen, selain pengendali takaful semula profesional berlesen, tidak boleh menjalankan kedua-dua perniagaan takaful keluarga dan perniagaan takaful am.

²⁷ Tarikh yang ditetapkan untuk APKI 2013 ialah 30 Jun 2013. Oleh itu, pengendali takaful yang terlibat mempunyai tempoh sehingga 30 Jun 2018 untuk memindahkan dwiperniagaan takaful keluarga dan takaful am kepada satu kategori perniagaan takaful untuk satu syarikat.

dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi RM25 juta atau kedua-duanya²⁸ sekali.

Sungguhpun rasional pengasingan operasi perniagaan takaful keluarga dan takaful am tidak dijelaskan dalam APKI 2013, tetapi sekali imbas dapat difahami bahawa secara dasarnya, perniagaan takaful keluarga dan takaful am mempunyai cabaran dan risiko yang berlainan antara satu sama lain dan memerlukan fokus serta layanan yang berbeza.²⁹ Kombinasi kedua-dua perniagaan takaful di bawah satu bumbung boleh membawa kepada manipulasi dan ketidakadilan terhadap salah satu perniagaan. Sebagai contoh, untuk mendapatkan perniagaan takaful keluarga (yang biasanya berbentuk jangka panjang) daripada pelanggan korporat, sesebuah pengendali takaful mungkin menawarkan perlindungan takaful percuma atau berdiskaun untuk perlindungan kenderaan atau kebakaran (yang biasanya jatuh dalam kategori perniagaan takaful am) untuk menarik minat pelanggan. Dengan membentangkan tawaran dalam satu pakej, pengendali takaful berjaya mendapatkan perniagaan untuk jangka panjang melalui perniagaan takaful keluarga walaupun mereka mungkin mengalami kerugian dalam perniagaan takaful am kerana menawarkan perlindungan takaful kenderaan atau kebakaran percuma atau berdiskaun kepada pelanggan. Meskipun dana takaful am mungkin mengalami kerugian disebabkan amalan ini, tetapi dana takaful keluarga beroleh keuntungan yang lebih dan secara keseluruhannya, pengendali takaful tersebut tetap mendapat keuntungan.

Walaupun kebanyakan pengendali takaful tidak mematuhi seksyen 16(1) APKI 2013 buat masa ini, garis panduan untuk peralihan kepada satu jenis perniagaan takaful masih belum dikeluarkan oleh pihak pengawal selia. Mungkin kerana tempoh lima tahun itu agak panjang, pengendali takaful yang terlibat masih lagi pada peringkat awal untuk melaksanakan proses peralihan kepada satu jenis perniagaan takaful.

KESIMPULAN

Impak APKI 2013 terhadap operasi takaful adalah begitu menyeluruh. Sesetengah impaknya adalah segera, seperti kewajipan untuk mempamerkan secara ketara pelbagai opsyen untuk pembayaran manfaat takaful kepada para peserta takaful. Tidak perlu disangkal lagi, dengan hanya satu peruntukan mengenai pembayaran manfaat takaful sahaja, perubahan besar-besaran perlu dilakukan oleh pengendali takaful untuk mengubah suai borang

²⁸ Seksyen 16(3) APKI 2013

²⁹ Supra, n. 25

permohonan, borang penamaan, sijil takaful, brosur dan dokumen berkaitan bagi memastikan pematuhan kepada Jadual 10 APKI 2013.

Dari satu sudut pula, terdapat impak yang masih belum dapat dinilai kesannya, seperti kewajipan untuk mendapatkan lesen yang berasingan untuk perniagaan takaful keluarga dan takaful am. Proses peralihan ini sudah pasti akan melibatkan penstrukturkan semula korporat yang akan mempengaruhi strategi dan pelan perniagaan pengendali takaful, termasuklah kesediaan dari segi teknologi maklumat (IT), sumber manusia dan sebagainya.

Meskipun para pengendali takaful mungkin berdepan dengan pelbagai halangan demi untuk mematuhi APKI 2013, tidak dapat dinafikan bahawa tujuan BNM memperkenalkan APKI 2013 adalah dengan suci hati bagi memastikan industri takaful di Malaysia dapat berkembang dengan lebih rancak dan tersusun untuk puluhan dekad akan datang. Dengan hasrat murni ini, diharapkan agar industri takaful berjaya mencapai pengiktirafan global dari sudut tadbir urus undang-undang, pengawalseliaan dan syariah melalui pelaksanaan APKI 2013 yang berkesan.

RUJUKAN

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Akta Takaful 1984.

Syed Othman Alhabshi, *et al.*, 2012. *Takaful: Realities & Challenges*. Kuala Lumpur. Pearson Malaysia.

Dictionary of Finance and Investment Terms, 2010. Eight edition, New York: Barron's Educational Series Inc.

Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, 2010. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Mohammad Hashim Kamali, 2009. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Second Revised Edition. Subang Jaya: Ilmiah Publishers.

Kamus Undang-Undang, 1995. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd

Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz, "Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators" dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2:67, 2010.